

22 JUL 2003

Chirac-Kelab/I

KELAB AHLI PERNIAGAAN PERANCIS-M'SIA TINGKAT HUBUNGAN EKONOMI

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Perancis akan menubuhkan sebuah kelab yang terdiri daripada tokoh-tokoh perindustrian kedua-dua negara untuk memberi dorongan yang lebih kepada hubungan ekonomi dua hala.

Paris dan Kuala Lumpur juga berjanji untuk memperkukuhkan lagi kerjasama mereka dalam bidang teknikal, teknologi dan saintifik.

Usaha-usaha ini untuk mempertingkatkan lagi kerjasama dinyatakan dalam persidangan berita bersama oleh Presiden Jacques Chirac dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir lawatan enam jam pemimpin Perancis itu, malam ini.

Selain itu, Chirac berkata Perancis berminat untuk meningkatkan lagi penggunaan bahasa Perancis di Malaysia dan ke arah ini sebuah sekolah Perancis sedang dirancang untuk memudahkan pembelajaran bahasa itu.

"Ini juga akan merangsangkan lagi kerjasama teknikal dan saintifik kita," kata Chirac.

Beliau menambah kata usaha untuk meningkatkan pertukaran penuntut kedua-dua negara dari kedua-dua pihak juga akan dikaji.

Bagaimanapun, Chirac berkata perkara paling utama pada mindanya untuk datang ke sini ialah untuk menyampaikan penghormatan dan sanjungan beliau kepada Dr Mahathir yang bersamanya beliau menikmati persahabatan selama bertahun-tahun.

Hal ini, kata presiden itu, jelas dapat dilihat dalam mindanya, dalam usaha Dr Mahathir membina Putrajaya.

"Saya mendapati ini kejayaan luar biasa dan ia bukti pewujudan kapasiti Asia.

"Ia pernyataan permodenan dan juga budaya dan tradisi. Saya gembira kerana dapat melawatnya dan mengucapkan tahniah kepada orang di sebaliknya," kata beliau lagi.

Chirac juga diminta mengenai perasaan beliau akan peranan Dr Mahathir di arena dunia selepas persaraannya pada Oktober.

Beliau menjawab ia bukan tugasnya untuk menyatakan apa yang harus dilakukan oleh Dr Mahathir.

"Tetapi apa yang saya boleh kata kepada anda ialah, pada pendapat saya dunia akan banyak kerugian jika beliau tidak mempunyai peranan penting di masa depan di mana beliau boleh terus menunjukkan dinamisme dan kebijaksanaannya," kata beliau.

Presiden itu juga mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Malaysia dan Dr Mahathir sebagai pengerusi Pergerakan Berkecuali, dan Pertubuhan Persidangan Islam pada Oktober ini.

Sebelum persidangan media bersama, Dr Mahathir mengadakan satu majlis makan malam bagi Chirac dan rombongan beliau.

Chirac kemudian berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang untuk meneruskan perjalanan ke New Caledonia sebelum meneruskan perjalanan ke Tahiti untuk menghadiri Persidangan Negara-negara Pasifik Selatan.

-- BERNAMA

MAM SR PR